

PENJAWAT AWAM DAN PENGARUH TERHADAP PEMBIAYAAN PERIBADI

Mohd Azam Hj. Yahya
azamyahya@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

Abd Basir Mohamad
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Malaysia antara negara yang berhadapan dengan masalah hutang isi rumah tertinggi di Asia yang disebabkan oleh beberapa jenis pinjaman yang tertentu seperti perumahan, kenderaan dan peribadi. Pinjaman Peribadi merupakan instrumen kewangan yang sangat tinggi permintaan dalam kalangan masyarakat untuk mendapatkan tunai segera dan membawa kepada penawarannya yang tinggi oleh institusi-institusi perbankan di Malaysia. Penjawat awam pula merupakan antara individu yang menjadi sasaran utama promosi pinjaman peribadi oleh institusi-institusi perbankan kerana mereka mempunyai pendapatan tetap setiap bulan dan berpotensi untuk membayar semula pinjaman tersebut.

GOVERNMENT SERVANTS AND THE INFLUENCE OF PERSONAL FINANCING

ABSTRACT

Malaysia is among the countries with the highest household debt problem in Asia due to certain types of loans such as housing, vehicle and personal. Personal Loan is a very high financial instrument of demand among the public to get instant cash and lead to high bidding by banking institutions in Malaysia. Public servants are among the individuals who are the main target of promoting personal loans by banking institutions as they have fixed income each month and have the potential to repay the loan.

PENGENALAN

Allah SWT telah menjadikan manusia dengan pelbagai latarbelakang kehidupan. Kejadian sifat dan situasi manusia yang pelbagai dan berbeza tersebut di antara satu dengan yang lain telah mendorong manusia untuk saling memenuhi tuntutan hidup dan keperluan masing-masing. Ini merupakan soal takdir dan rezeki masing-masing yang telah ditentukan oleh Allah SWT kepada setiap manusia di atas muka bumi. Tolong menolong dan bantu membantu merupakan antara perkara yang sangat digalakkan dalam Islam¹. Pinjam meminjam dan hutang piutang merupakan salah satu daripada konsep tolong menolong dan bantu membantu bagi memenuhi tuntutan kehidupan harian mereka. Islam mengharuskan kepada umatnya untuk berurusan dengan hutang piutang dan pinjam meminjam ini kerana ia mempunyai daya usaha saling bantu membantu dan tolong menolong sesama mereka.

¹Lihat dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang menggalakkan saling tolong menolong dan bantu membantu sesama manusia :

i. *Sural al-Ma'idah* : 2,

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى

Maksudnya : “Dan tolong menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan taqwa, dan janganlah kamu tolong menolong dalam perkara dosa dan maksiat”.

ii. *Surah al-Baqarah* : 7,

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ

Maksudnya : “Bukanlah kebaikan itu dengan menghadap wajah-wajah kea rah timur dan barat, tetapi kebaikan itu adalah dengan beriman kepada Allah, hari akhirat, para malaikat, kitab-kitab, para nabi dan memberikan hartanya kepada saudara maranya, anak-anak yatim, orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang memerlukan.....”

PERKHIDMATAN AWAM

Peruntukan mengenai perkhidmatan awam dijelaskan di bawah Fasal 1, Perkara 132, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut “*Bagi maksud-maksud Perlembagaan ini, perkhidmatan awam ialah i. Angkatan Tentera, ii. Perkhidmatan kehakiman dan perundangan, iii. Perkhidmatan awam am Persekutuan, iv. Pasukan polis, v. Dimansuhkan, vi. Perkhidmatan awam bersama, vii. Perkhidmatan awam setiap satu negeri dan viii. Perkhidmatan pelajaran.* Dalam konteks tersebut, perkhidmatan awam persekutuan meliputi perkhidmatan awam am persekutuan, perkhidmatan pelajaran, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, perkhidmatan polis dan anggota tentera. Manakala perkhidmatan bersama adalah perkhidmatan di mana pengisian pegawai boleh dibuat oleh persekutuan tetapi perjawatannya dipunyai oleh negeri yang berkenaan (Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam).

Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) pada tahun 2011 bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah berkuatkuasa sejak tahun 2002². Pelaksanaan ini melibatkan struktur perkhidmatan yang merangkumi skim perkhidmatan, syarat perkhidmatan, gaji, elaun, kemudahan dan persaraan serta faedah persaraan. Struktur perkhidmatan di bawah SBPA adalah terbahagi kepada empat kumpulan perkhidmatan iaitu Kumpulan Premier³, Kumpulan Pengurusan Tertinggi⁴, Kumpulan Pengurusan dan Profesional⁵, dan Kumpulan Pelaksana⁶.

²Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai perkhidmatan Persekutuan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011.

³Kumpulan Premier merupakan lapisan teratas dalam Struktur Perkhidmatan Awam yang menyandang atau memegang *strategics and key positions*.

⁴Kumpulan Pengurusan Tertinggi terdiri daripada Jawatan Utama dan Jawatan Gred Khas. Jawatan Utama dimaksudkan sebagai jawatan di peringkat pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang berperanan strategik menerajui jentera pengurusan organisasi sesebuah kementerian, jabatan dan agensi. Manakala jawatan Gred Khas pula ditetapkan berdasarkan pengiktirafan tahap kepakaran dan pengalaman pegawai yang tidak melaksana peranan ataupun tugas yang bersifat pengurusan dan strategik.

⁵Kumpulan Pengurusan dan Profesional berperanan seperti Kumpulan Pengurusan Tertinggi tetapi pada gred jawatan rendah sebelum melonjak kepada kenaikan pangkat.

⁶Kumpulan Pelaksana diperkenal bagi menggantikan Kumpulan Sokongan. Lapisan gred bagi Kumpulan Pelaksana adalah mengikut kelayakan masuk minimum seperti ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Kelayakan masuk minimum ke perkhidmatan awam ditetapkan pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Penjawat awam di Malaysia dibahagikan kepada dua kategori iaitu penjawat awam persekutuan dan penjawat awam negeri. Kuasa melantik penjawat awam persekutuan adalah terletak di bawah bidang kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong manakala penjawat awam sesuatu negeri adalah di bawah Raja atau Yang di-Pertua Negeri. Badan yang membuat pengambilan pula dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang terdiri daripada Majlis Angkatan Tentera, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pasukan Polis, dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Kit Pengenalan Perkhidmatan Awam). Penjawat awam merupakan nadi utama sebagai agen transformasi kejayaan sesebuah negara. Pembangunan dan kejayaan Negara bergantung besar dengan kecekapan, moral dan kesungguhan penjawat awam dalam melaksanakan perintah-perintah am kerajaan. Cogankata cekap, cepat serta berintegriti menjadi tonggak amalan penjawat awam dalam pelaksanaan misi dan visi kerajaan seterusnya meningkatkan prestasi perkhidmatan awam dari semasa ke semasa. Kerajaan telah lama cuba untuk menerapkan perkhidmatan awam yang lebih berkualiti serta berintegriti dalam negara ini melalui pengenalan beberapa dasar dan polisi yang berkaitan mulai dengan melancarkan kempen Bersih, Cekap dan Amanah pada 1982, kempen Kepimpinan Melalui Teladan pada 1983, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam pada 1985, Etika Kerja Islam pada 1987, Budaya Kerja Cemerlang pada 1989, Anugerah Kualiti pada 1990, Piagam Pelanggan pada 1993, e-kerajaan dan MS ISO 9000 pada 1996, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2002, petunjuk prestasi utama (KPI) dan Islam Hadhari pada 2005 dan lain-lain langkah lagi.

PENDAPATAN PENJAWAT AWAM DI MALAYSIA

Berdasarkan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang dilaksanakan pada tahun 2011, penggelaran gred jawatan / gred gaji dikemaskini selaras dengan pembentukan Jadual Gaji Sebaris (JGS) bagi menggantikan Jadual Gaji Matriks (JGM) dan pemansuhan gred jawatan / gred gaji 1 hingga 10. Struktur gaji dalam JGS mempunyai ciri-ciri seperti ; matagaji mengikut susunan Tangga (T) dalam sebaris pada setiap gred gaji, bilangan tangga (T) yang sama di gred gaji yang sama dalam semua Klasifikasi Perkhidmatan dan Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) yang sama bagi setiap gred yang setaraf dalam semua Klasifikasi Perkhidmatan dengan pola peningkatan KGT lebih baik berbanding gred lebih rendah. Pergerakan Gaji Tahunan pula berdasarkan kepada satu Pergerakan Gaji Biasa sahaja dan diberikan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi yang baik dalam perkhidmatan. Pegawai yang tidak mencapai prestasi yang diharapkan tidak layak menikmati Pergerakan Gaji Tahunan pada tahun yang dinilai⁷.

⁷Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai perkhidmatan Persekutuan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011.

Pada tahun 2016, pihak kerajaan telah menetapkan Gaji Permulaan Terendah (GPT) dalam Perkhidmatan Awam pada gred 11 iaitu RM 1 200 sebulan dan penambahbaikan Jadual Gaji Minimum dan Maksimum (JGMM). Pada tahun 2016 juga, penjawat awam menikmati faedah pemindahan gaji bersamaan satu kenaikan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)⁸. Penetapan gaji minimum yang tinggi yang diamalkan oleh kerajaan Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu di dunia kerana ianya telah mula diperkatakan sejak abad ke-19 sebelum Australia dan New Zealand menjadi Negara pertama yang menggubal akta yang berkaitannya pada tahun 1890-an. Definisi gaji minimum ini dari sudut ekonomi ia biasanya adalah kadar gaji ditetapkan lebih tinggi berbanding kadar gaji semasa. Pelaksanaan gaji minimum dikatakan boleh mengurangkan kadar kemiskinan dengan meningkatkan kuasa beli golongan miskin melalui peningkatan kadar gaji (Afif Abdullah, 2010). Dengan penetapan gaji minimum dan imbuhan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan kini, telah meningkatkan kuasa membeli dalam kalangan penjawat awam dan seterusnya memungkinkan mereka tidak perlu membuat pinjaman peribadi untuk kesinambungan hidup. Kerajaan Malaysia juga telah mengklasifikasikan kumpulan pendapatan penjawat awam kepada tiga golongan iaitu bawah 40 (B40)⁹, pertengahan 40 (M40)¹⁰ dan atasan 20 (T20)¹¹.

PENETAPAN KADAR GAJI DAN UPAH PENJAWAT AWAM

Dalam Islam, terdapat dalil yang jelas dalam al-Quran dan hadis mengenai amalan pengurusan dan pentadbiran gaji serta upah. Amalan penentuan dan pemberian upah dan gaji ini juga telah dipraktik secara meluas dalam pemerintahan Islam. Islam mewajibkan pihak majikan untuk membayar gaji dan upah dengan ganjaran yang bersesuaian dengan pekerjaan yang dilakukan (Ishak Abd Rahman et al, 2004). Jumhur `ulama bersepakat mengharuskan pemberian upah ini yang bertepatan dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah (Al-Zuhayli, (1985, jil. 5 : 3801). Antara dalil-dalil tersebut daripada al-Quran adalah surah *al-Talāq* (65 : 6)¹², surah *Ali-`Imrān* (3 : 195)¹³ dan surah *al-Taubah* (9 : 105)¹⁴. Begitu juga dalil-dalil daripada hadis seperti berikut :

⁸Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, *Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia*.

⁹Kumpulan B40 ialah pendapatan 40 % dibawah iaitu isi rumah dengan pendapatan bulanan sehingga RM3,855, laporan ini diambil dalam laporan bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 21 Oktober 2016.

¹⁰Kumpulan M40 ialah pendapatan 40 % sederhana iaitu isi rumah dengan pendapatan bulanan antara RM3,860 hingga RM8,319, laporan ini diambil dalam laporan bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 21 Oktober 2016.

¹¹Jumlah pendapatan yang melebihi daripada jumlah gaji bagi kategori M40

¹²Maksudnya "Maka jika mereka menyusukan (anak-anak) untuk kamu maka berikanlah kepada mereka upahnya"

Riwayat Abu Hurairah RA (Al-Bukhari, 2001, jil. 3.hlm. 82) :

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى ثَلَاثَةٌ أَنَا خَصْمُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ رَجُلٌ أَعْطَى بِي نَمَّ نَمَّ عَدَرَ
وَرَجُلٌ بَاعَ حُرًّا فَأَكَلَ ثَمَنَهُ وَرَجُلٌ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَاسْتَوْفَى مِنْهُ وَلَمْ يُعْطِهِ أَجْرَهُ¹⁵

Riwayat Ibnu `Umar RA :

أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَ عَرَقُهُ¹⁶

Riwayat Abu Hurairah RA dan Abu Sa`id al-Khudri :

مَنْ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَلْيُعَلِّمِهِ أَجْرَهُ¹⁷

Secara umumnya, pelaksanaan pemberian gaji di Malaysia adalah terikat dengan akta-akta yang telah ditetapkan agar adanya suatu perundangan yang mengikat perjanjian antara majikan dan pekerja. Menurut Akta Kerja 1955, gaji didefinisikan sebagai segala bayaran tunai yang harus dibayar kepada pekerja kerana kerja yang dilakukan berkait dengan kontrak perkhidmatan. Manakala upah atau gaji menurut Akta Majlis Upah 1947 merupakan bayaran bagi perkhidmatan bagi seseorang pekerja. Akta Kerja 1955 turut menjelaskan bahawa upah ertinya upah pokok dan semua pembayaran lain dengan wang tunai kepada seseorang pekerja bagi kerja yang dilakukan berdasarkan kepada kontrak perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak (Ishak Hj. Abd Rahman et al, 2004). Bagi penjawat awam pula, penetapan gaji penjawat awam mengikut kepada ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan berasaskan kepada prosedur yang tertentu. Asas penetapan struktur saaraan adalah berpandukan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976 dan Sistem Saraan Baru (1992) (Buku Maklumat Skim Perkhidmatan 2010). Terdapat 6 prinsip umum yang ditetapkan bermula daripada pelaksanaan Laporan JKK 1976 dan Sistem Saraan Malaysia iaitu :

¹³Maksudnya “Maka Allah memperkenankan permohonannya (dengan berfirman): “Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amalan orang-orang yang beriman di antara kamu dari lelaki atau perempuan”

¹⁴Maksudnya : “Dan katakanlah : Bekerjalah kamu, maka Allah, para rasul dan orang-orang beriman melihat terhadap pekerjaan yang kamu lakukan itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang maha mengetahui perkara yang gahib dan nyata, maka akan diberitahu terhadap apa yang telah kamu kerjakan”

¹⁵Al-Bukhari : 2227, *Bāb itmi ianbā`ahurrā*. Maksudnya : Daripada Nabi SAW bahawa Allah SWT bersabda “Tiga golongan yang menjadi musuh Ku di akhirat kelak iaitu orang yang berjanji dengan Ku tetapi ia tidak tunaikan, orang yang memakan hasil jualan orang merdeka dan orang yang tidak membayar upah kepada pekerja”.

¹⁶Al-Zaila`ī, (1995), *Bāb al-ijārāh*, jil.5, hlm. 274. Maksudnya : “Berilah kepada pekerja itu upah (gaji) sebelum kering peluhnya”

¹⁷Al-Zaila`ī, (1995), *Bāb al-ijārāh*, jil.5, hlm. 274. Maksudnya : “Barangsiapa yang diupah, hendaklah dia mengetahui upahnya”

Kadar upah mengikut jenis kerja dan tanggungjawab. Kadar ini disesuaikan mengikut perkhidmatan, jawatan dan prestasi anggota.

Kelulusan akademik dan kemahiran diambilkira sebagai faktor penentuan tingkatan upah.

Ketetapan gaji juga mengambilkira kecukupan untuk menyara keperluan hidup seperti makanan, pakaian dan perumahan. Walaupun begitu, penentuan ini akan dilihat daripada sudut prestasi ekonomi negara, kedudukan perjawatan yang kritikal dan galakan kepakaran. Kemunasabahan upah yang diterima bagi jawatan yang setaraf di pasaran. Mengaplikasikan prinsip relativiti dan prioriti dalam skim perkhidmatan yang sama mahupun dengan skim perkhidmatan yang berlainan. Pengasingan upah dengan badan-badan berkanun tertentu dengan melihat prestasi kewangan masing-masing.

Oleh itu, penetapan kadar upah perkhidmatan awam adalah ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan dengan mengambilkira faktor-faktor di atas. Prestasi ekonomi negara dan kecukupan saraan hidup harian penjawat awam seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal menjadi antara faktor utama dalam pengagihan upah tersebut disamping kelayakan akademik dan kemahiran individu. Mengikut perkiraan pihak kerajaan bahawa gaji dan upah yang diperuntukkan kepada semua golongan penjawat awam adalah munasabah mengikut ekonomi semasa dan menepati kriteria setiap peringkat dan gred.

Justeru, pengamalan penetapan dan pemberian gaji yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia terhadap penjawat awam bertepatan dengan saranan daripada al-Quran dan al-Sunnah.

KEMUDAHAN PENJAWAT AWAM

Kerajaan Malaysia telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada penjawat awam sebagai insentif untuk mereka bekerja dan mengurus perbelanjaan dengan baik. Penjawat awam menikmati kemudahan perubatan di hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan, mendapat elaun-elaun tetap, bayaran-bayaran insentif, kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan, cuti tahunan dan sebagainya¹⁸. Perdana Menteri telah mengumumkan penambahbaikan sembilan kemudahan yang diberikan kepada penjawat awam dalam pembentangan bajet 2017 dan mengekalkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Penambahbaikan ini secara tak langsung dapat menjimatkan perbelanjaan mereka serta dapat meningkatkan lagi wang simpanan. Sebelum ini, pemberian biasiswa dan bergaji penuh diberikan kepada kumpulan pengurusan dan profesional untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, tetapi kini peluang ini diberikan juga kepada kumpulan sokongan. Perdana Menteri

¹⁸Senarai kemudahan yang dinikmati oleh penjawat awam boleh dilihat secara terperinci dalam Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai perkhidmatan Persekutuan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011.

juga telah mengumumkan pelarasan pinjaman kenderaan, perumahan dan komputer dengan jumlah yang lebih tinggi.

Dengan penambahbaikan dan insentif yang diberikan oleh kerajaan dalam pembentangan bajet-bajet yang lepas dapat mengurangkan kebergantungan penjawat awam kepada pinjaman peribadi dengan institusi-institusi kewangan termasuk perbankan yang mengenakan keuntungan yang lebih tinggi berbanding pinjaman kerajaan.

KOS SARA HIDUP DI MALAYSIA

Kos sara hidup merujuk kepada jumlah perbelanjaan isi rumah keatas barang dan perkhidmatan untuk mengekalkan taraf hidup¹⁹ (Bank Negara Malaysia, 2015). Kenaikan purata harga barangan dan perkhidmatan diukur dengan menggunakan Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP disusun berdasarkan pungutan harga pengguna secara bulanan mengikut penggunaan tetap barangan dan perkhidmatan. Kategori makanan dan dan minum tidak beralkohol mendominasi 30 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan isi rumah dan diikuti kategori perumahan, utiliti dan bahan api sebanyak 24 peratus (Mohd Yusof Saari, tt).

Secara umumnya, peningkatan kos sara hidup berlaku kerana peningkatan pendapatan individu untuk suatu jangka masa tidak dapat menampung peningkatan harga barangan atau perkhidmatan yang sama untuk jangka masa terbabit. Justeru, ada tiga faktor yang perlu dilihat untuk merumuskan berhubung peningkatan kos sara hidup iaitu peningkatan pendapatan, peningkatan harga barangan dan perkhidmatan yang digunakan dan perubahan penggunaan barangan dan perkhidmatan. Sekiranya seseorang menggunakan barangan dan perkhidmatan yang benar-benar sama dan berlaku peningkatan harga barangan dan perkhidmatan tersebut lebih tinggi daripada peningkatan pendapatannya, maka individu terbabit menghadapi peningkatan kos sara hidup (Zulkiply Omar, 2016). Kebiasaannya setiap individu akan mengubah barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk suatu jangka masa yang panjang. Perubahan ini sama ada membabitkan pertukaran kepada barangan gantian yang lain atau barangan yang sama tetapi mempunyai kualiti yang lebih tinggi seperti menukar ganti kenderaan dan mengubahsuai rumah sedia ada. Penggunaan perkhidmatan juga diambilkira dalam penentuan kos sara diri seperti dulunya berkemungkinan secara percuma tetapi kini semuanya berbayar ataupun dulu murah tetapi disebabkan lonjakan ekonomi maka berlaku peningkatan harga sesuatu perkhidmatan.

¹⁹Taraf hidup ialah ukuran kualiti hidup atau tahap kemakmuran dari segi material yang dinikmati oleh individu.

Pendapatan bulanan purata isi rumah di Malaysia pada 2004 adalah RM3,250, namun ia meningkat kepada RM6,141 pada 2014, iaitu peningkatan 89 peratus dalam tempoh 10 tahun. Berdasarkan indeks harga pengguna (IHP) Jabatan Perangkaan Malaysia, secara umumnya harga meningkat 29 peratus dalam tempoh 10 tahun iaitu antara 2005 dan 2015. Peningkatan harga jauh lebih rendah daripada peningkatan pendapatan isi rumah. Ini bermakna, jika sekiranya sesebuah isi rumah tidak mengubah corak perbelanjaan mereka, maka kesan daripada peningkatan harga mungkin mampu dibendung. Berdasarkan senario di atas, jelas peningkatan harga barangan dan perkhidmatan secara amnya bukanlah penyebab utama kepada peningkatan kos sara hidup. Perubahan cara hidup dilihat lebih relevan dari segi tekanan terhadap kos sara hidup (Zulkiply Omar, 2016).

Menurut Charon Wardini Mokhzani (2016) menyatakan bahawa kos sara diri yang meningkat terhadap harga makanan, perumahan, utiliti dan pengangkutan akan membebankan golongan berpendapatan rendah²⁰. Faktor kenaikan kos sara diri juga dilihat dari sudut kenaikan gaji yang tidak setara. Kenaikan gaji dikira sebagai rendah di bandar kerana peningkatan kadar inflasi yang tinggi (Nuradila Noorazam, 2016).

Kerajaan Malaysia juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kos sara diri yang ditanggung oleh rakyat dengan memperkenalkan dua kaedah iaitu mempertingkatkan pendapatan dan mengurangkan kos barangan²¹. Dalam masa yang sama, kerajaan telah memberikan subsidi dan menurunkan harga barangan keperluan asas. Oleh itu, menurut kajian yang telah dibuat oleh Economist Intelligence Unit yang telah membandingkan harga barangan dan perkhidmatan di 133 bandar di seluruh dunia mendapati bahawa kos sara hidup di Malaysia adalah yang terendah dalam kalangan negara-negara ASEAN²².

²⁰Menurut Pengarah Khazanah Research Institute, Dr. Mohamed Abd Khalid dalam wawancara bersama astroawani bahawa setiap isi rumah membelanjakan 30 peratus daripada pendapatan mereka untuk makanan tetapi harga makanan semakin meningkat, lihat <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/gaji-tidak-setara-faktor-utama-peningkatan-kos-sara-hidup-di-malaysia-117473>, diakses pada 27 Mei 2017.

²¹Ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Bin Tun Abdul Razak mengenai peningkatan pendapatan untuk mengatasi masalah kos sara hidup pada 13 Januari 2017. Ucapan ini juga adalah rentetan ucapan beliau dalam Ucapan Bajet Tahun 2017 pada 21 Oktober 2016 dalam Dewan Rakyat.


²²Kenyataan YAB Perdana Menteri Malaysia semasa ucapan beliau di hadapan hampir 10 000 kakitangan awam Pada Perhimpunan Bulanan Kejaan Negeri Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Ayer Keroh bertarikh 21 April 2017.

Dalam masa yang sama, terdapat cadangan-cadangan dalam media masa arus perdana kepada institusi kekeluargaan untuk merancang perbelanjaan agar mencukupi bagi memenuhi keperluan diri dan keluarga²³. Antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah (M. Jasni Majid, 2017) ;

1. Menganggarkan jumlah pendapatan keluarga setiap bulan
2. Menentukan kategori perbelanjaan yang perlu pada setiap bulan.
3. Membuat anggaran perbelanjaan dalam sebulan
4. Merekodkan perbelanjaan
5. Menilai semula perbelanjaan dan membuat penyesuaian
6. Mengutamakan barangan tempatan

Menurut Islam, pengurusan kewangan dan membelanjakan harta dalam kehidupan adalah amanah Allah SWT. Ia satu keperluan bertujuan mencapai kehidupan yang bahagia dan sempurna di dunia dan diberkati di akhirat. Sistem ekonomi Islam lebih memfokuskan kerohanian dan kesejahteraan sejagat iaitu nilai etika diterapkan dengan mengurangkan kehendak manusia terhadap kebendaan serta pembaziran. Keperluan manusia dalam berbelanja berbeza empat situasi sama ada *darūriyyat*, *hājiyyat*, *taḥsīniyyat* atau boleh membawa kepada *mafsadah* (kerosakan). Menurut teori kepenggunaan ekonomi Islam, kaedah perbelanjaan yang baik wujud jika pengguna membelanjakan pendapatan demi kepuasan yang seimbang antara material dan kerohanian.

Rajah : Perbelanjaan dan Penggunaan Dalam Islam



Rajah ini diadaptasi daripada Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam (Nurshuhaida Abd Razak et al, 2012),

²³Sinar Harian, 12 April 2015.

Perbelanjaan dan penggunaan dalam Islam telah dibentuk berdasarkan kepada prinsip-prinsip dalam rajah di atas.

GELAGAT PERBELANJAAN PENDUDUK MALAYSIA

Penduduk di Malaysia biasanya akan membelanjakan pendapatan mereka dalam dua situasi ; yang pertama perbelanjaan secara tetap bulanan dan yang kedua perbelanjaan mengikut musim dan keperluan. Gelagat perbelanjaan mereka adalah seperti berikut :

1. Gelagat Perbelanjaan Secara Tetap Bulanan

Menurut Zakariah Abd Rashid (2016), bahawa penduduk di Malaysia membelanjakan hampir 30 peratus daripada pendapatan bulanan untuk membeli makanan. Mengikut teori ekonomi, orang yang berpendapatan rendah akan membelanjakan sebahagian besar pendapatannya untuk membeli makanan dan bahan asas. Golongan berpendapatan tinggi akan berbelanja mutlak lebih berbanding golongan berpendapatan rendah tetapi mereka akan berbelanja sedikit untuk makanan dan keperluan asas yang lain (Mohammad Ikmal Kadir,²⁴ t.t). Laporan dari Jabatan Statistik Malaysia menyatakan bahawa golongan berpendapatan rendah (B40) membelanjakan hampir 80 peratus daripada jumlah pendapatan mereka kepada barangan-barangan keperluan asas berbanding golongan berpendapatan pertengahan (M40) dan berpendapatan tinggi (T20) yang membelanjakan antara 48 hingga 64 peratus daripada jumlah pendapatan (Zafri Zulkeffeli, 2016). Perbelanjaan ini menepati Indeks Kualiti Hidup Malaysia tahun 2002 yang menjadi pengukuran terhadap perbelanjaan isi rumah negara. Indeks Kualiti Hidup Malaysia pada tahun 2002 telah mendefinisikan perbelanjaan asas isi rumah adalah "*Pendapatan yang hanya cukup untuk membeli makanan bagi mengekalkan anggota isi rumah dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan juga memerlukan keperluan asas lain seperti pendidikan, pakaian, kasut, kesihatan, perumahan, rekreasi, minyak dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi.*

Merujuk kepada data Jabatan Perangkaan Malaysia (2004/2005) menunjukkan bahawa isi rumah di Malaysia membelanjakan 69.1 peratus daripada perbelanjaan bulanan mereka kepada empat kumpulan utama iaitu perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (22.0%), diikuti makanan dan minuman bukan alkohol (20.1%), pengangkutan (16.1%) serta restoran dan hotel (10.9%). Perbelanjaan isi rumah banyak dipengaruhi oleh pendapatan, cita rasa dan kedapatan barangan dan perkhidmatan yang diterima.

²⁴Beliau merupakan pegawai penyelidik di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Perbezaan perbelanjaan juga wujud antara isi rumah bandar dan luar bandar. Oleh itu, perbelanjaan asas isi rumah negara secara tetap bulanan telah mencapai 70% daripada jumlah pendapatan mereka. Maka bakinya sebanyak 30% akan dijadikan sebagai simpanan atau perbelanjaan untuk memenuhi kehendak kehidupan mereka.

2. Gelagat Perbelanjaan Mengikut Musim dan Keperluan

(a) Perbelanjaan Persekolahan dan Pendidikan Tinggi

Berpandukan kategori ini, corak perbelanjaan isi rumah adalah berubah mengikut musim dan keperluan. Perbelanjaan pendidikan dan persekolahan isi rumah merupakan antara agenda utama perbelanjaan bermusim setiap kali musim baru persekolahan dan pendaftaran peringkat pengajian tinggi bahkan sebahagiannya menjadi perbelanjaan bulanan seperti wang saku, kelas tambahan dan sebagainya (Utusan online, 28 Mac 2017), (Sinar Harian, 27 Disember 2015).

(b) Perbelanjaan Menyambut Perayaan.

Musim perayaan juga antara musim perbelanjaan yang tinggi di kalangan isi rumah di Malaysia (JAKIM online, 29 Mac 2017)²⁵. Terdapat enam perayaan yang besar di Malaysia yang mempengaruhi pengguna untuk berbelanja lebih daripada perbelanjaan bulanan yang lain iaitu Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Gawai dan Pesta Keamatan. Pelbagai kaedah dan cara yang dibuat oleh penjual untuk memudahkan urusan pembelian oleh pelanggan terutama pada hari-hari perayaan seperti tempahan melalui talian (*online*) dan penghantaran pintu ke pintu (*door to door*) atau penghantaran tunai (*Cash on Delivery 'COD'*). Hari Raya Aidilfitri antara perayaan yang mencatatkan peningkatan perbelanjaan paling tinggi dalam kalangan isi rumah²⁶ (Nursyamimi Saidi, 2016). Pada tahun 2016, kerajaan telah memberi bantuan hari raya kepada penjawat awam serta pesara penjawat awam yang berjumlah hampir RM 985 juta (Berita Harian online, 13 Mac 2017) bagi meringankan beban mereka dalam perbelanjaan menyambut Hari Raya. Contoh yang terdekat, kaji selidik yang dibuat oleh United Overseas Bank (UOB), purata perbelanjaan rakyat Malaysia menyambut Tahun Baharu Cina

²⁵ Laporan ini juga berpandukan kepada kajian yang dibuat oleh Mumtazah Othman dan Nurhidayah Tinah Abdullah daripada UPM ke atas 438 keluarga di semenanjung dan mendapati bahawa mereka berbelanja lebih 50 peratus pada musim perayaan berbanding perbelanjaan bulanan yang lain.

²⁶ Banyak artikel dan laporan yang dikeluarkan mengenai peringatan perbelanjaan di musim perayaan seperti *Bijak Berbelanja di Musim Perayaan*, Majalah Ringgit, edisi Mei 2016. Lihat juga *Keluarga*, Utusan Malaysia bertarikh 25 Julai 2013. Lihat juga *Urus Kewangan Dengan Bijak Musim Perayaan*, Utusan Malaysia bertarikh 2 gos 2014. Lihat juga *Tidak Perlu Berhutang Untuk Sambut Hari Raya*, laman web rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, <http://kpdnkk.bernama.com/featuresBm.php?id=1150581>, diakses pada 27 Mei 2017.

meningkat kepada RM 4 201 pada tahun 2017 berbanding RM 3 846 pada tahun lepas (Utusan Online, 11 Mac 2017). Perbelanjaan musim perayaan juga meningkat dari 5 peratus hingga 14 peratus berbanding perbelanjaan isi rumah berbanding perbelanjaan bulanan sebelumnya (Zuroni Mat Jusoh et al, 2014 : 88 – 98).

(c) Perbelanjaan Bulan Ramadhan

Perbelanjaan juga meningkat apabila datangnya musim berpuasa bulan Ramadhan di mana kebanyakan orang Islam berbelanja lebih untuk berbuka puasa (Ringgit, Mei 2016), (Utusan Malaysia, 25 Julai 2013).

(d) Perbelanjaan Musim Percutian

Kebiasaan isi rumah terutama yang berkeluarga akan merancang untuk membawa keluarga melancung untuk mengisi masa lapang yang terluang dan menghadiri majlis-majlis kekeluargaan seperti hari keluarga dan kenduri kendara. Program-program percutian memerlukan kos-kos perbelanjaan mengikut rancangan yang telah dibuat seperti destinasi yang hendak dituju, penginapan, pengangkutan dan makanan (Rohami Shafie, 2010).

PENGARUH PEMBIAYAAN PERIBADI

Pengaruh pembiayaan peribadi adalah faktor-faktor yang mendorong dan mempengaruhi seseorang untuk membuat pinjaman peribadi. 2 faktor besar diklasifikasikan untuk menjelaskan lagi situasi pengaruh tersebut iaitu :

1. Pengaruh Dari Institusi Perbankan

- i. Pihak bank memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat bayaran semula dengan memotong gaji bulanan (IKIM online, 9 September 2016). Pelanggan tidak perlu bersusah payah untuk pergi ke cawangan-cawangan perbankan dan beratur untuk membuat pembayaran pada setiap bulan.
- ii. Ejen-ejen perbankan merupakan individu yang terlatih untuk menarik pelanggan menikmati sebarang kemudahan yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Ayat-ayat yang diungkapkan oleh iklan-iklan dan ejen-ejen perbankan mempengaruhi dan menarik minat untuk membuat pinjaman peribadi (IKIM online, 9 September 2016), (Harian Metro, 22 Mei 2017).
- iii. Institusi perbankan juga mengedarkan iklan-iklan dan pamflet-pamflet dengan begitu banyak di merata tempat termasuk tempat-tempat tumpuan awam seperti tapak letak kereta pasaraya utama dan kedai isian minyak (IKIM online, 9 September 2016), (Astroawani online, 4 Julai 2017).

- iv. Institusi perbankan juga memberi kelulusan yang mudah, cepat dan mendapat tunai dengan segera (IKIM online, 9 September 2016)²⁷.
- v. Faedah dan keuntungan yang dikenakan adalah rendah (IKIM online, 9 September 2016), (Harian Metro, 22 Mei 2017)²⁸
- vi. Jumlah pinjaman yang ditawarkan oleh institusi perbankan adalah tinggi sehingga RM 200,000. Jumlah ini menarik perhatian pelanggan yang ingin meminjam untuk keperluan sesuatu yang besar seperti pembelian rumah dan pelaburan (IKIM online, 9 September 2016)
- vii. Institusi perbankan juga tidak mensyaratkan penjamin untuk mendapatkan kemudahan produk pinjaman (IKIM online, 9 September 2016)
- ix. Bayaran yang fleksibel dan tempoh yang panjang. Pelanggan boleh membuat bayaran semula pinjaman secara ansuran sehingga 10 tahun (IKIM online, 9 September 2016)
- x. Institusi perbankan juga meletakkan syarat jumlah pendapatan yang rendah bagi menikmati kemudahan pinjaman (Astroawani online, 4 Julai 2017)²⁹

2. Pengaruh Diri

- i. Terdapat individu yang mempunyai sifat dan tabiat suka berhutang. Individu ini juga tidak rasa bersalah untuk berhutang (IKIM online, 9 September 2016)³⁰.
- ii. Membuat pinjaman peribadi untuk membuat bayaran pendahuluan membeli rumah dan kereta (IKIM online, 9 September 2016)

²⁷Produk pinjaman peribadi yang paling cepat diuruskan dan mendapat tunai segera adalah RHB Easy-Pinjaman Ekspres, lihat *Pinjaman Peribadi Terbaik di Malaysia Untuk 2016*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pinjaman-peribadi-terbaik-di-malaysia-untuk-2016-113354>, diakses pada 4 Julai 2017.

²⁸Bank Islam Malaysia Berhad merupakan institusi perbankan yang menawarkan produk pembiayaan peribadi yang mengenakan faedah terendah, lihat juga *Pinjaman Peribadi Terbaik di Malaysia Untuk 2016*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pinjaman-peribadi-terbaik-di-malaysia-untuk-2016-113354>, diakses pada 4 Julai 2017). Lihat juga Harian Metro bertarikh 22 Mei 2017, *BSN Sedia Pakej Pembiayaan Menarik*

²⁹AgroBank merupakan institusi perbankan yang menawarkan produk pembiayaan peribadi yang mensyaratkan pendapatan paling rendah, lihat *Pinjaman Peribadi Terbaik di Malaysia Untuk 2016*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/pinjaman-peribadi-terbaik-di-malaysia-untuk-2016-113354>, diakses pada 4 Julai 2017).

³⁰Lihat juga laporan daripada KPDNKK dalam laman web rasmi mereka <http://kpdnkk.bernama.com/newsBm.php?id=1115475>, diakses pada 22 Mac 2017. lihat <http://e-muamalat.islam.gov.my/artikel/bahaya-hutang-tapi-anda-tidak-menyedarinya>, diakses pada 29 Mac 2017

- iii. Meminjam untuk menambah aksesori dan mencantikkan lagi kereta dan rumah (IKIM online, 9 September 2016).
- iv. Meminjam untuk membayar dan menutup hutang yang lain (IKIM online, 9 September 2016).
- v. Pinjaman yang dibuat adalah untuk menyambut hari-hari keraiian seperti majlis perkahwinan dan sebagainya (IKIM online, 9 September 2016).
- vi. Kos hidup yang semakin tinggi (Utusan online, diakses pada 9 September 2016), (Utusan online, diakses pada 28 Mac 2017).
- vii. Meminjam untuk membina perniagaan dan melabur dalam saham-saham amanah (Kosmo online, diakses pada 9 September 2016).

PENUTUP

Kehendak untuk membuat pinjaman peribadi merupakan suatu perkara yang subjektif bergantung kepada cara penggunaan wang pinjaman oleh seseorang individu sama ada meninggalkan kesan yang positif ataupun negatif seperti yang telah dijelaskan oleh pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)³¹ iaitu pinjaman produktif dan pinjaman tidak produktif. Pinjaman produktif dan baik merupakan pinjaman yang dibuat untuk menjana kewangan sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang serta bebanannya boleh dijelaskan dengan sempurna manakala pinjaman tidak produktif pula dikenali sebagai pinjaman penggunaan yang merujuk kepada pinjaman yang dibuat untuk memenuhi keperluan peminjam dalam jangka waktu yang singkat dan tidak mendatangkan faedah dalam penambahan simpanan peribadi. Oleh itu, penjawat awam mempunyai pilihan sama ada meminjam untuk menjana kewangan ataupun meminjam yang akan meninggalkan kesan bebanan dalam kehidupan mereka.

³¹Agensi Kredit dan Pengurusan Kredit (AKPK) merupakan agensi ditubuhkan di bawah Bank Negara Malaysia pada bulan April 2006 untuk membantu individu mengetahui situasi kewangan mereka dan mencapai ketenangan minda hasil pengurusan kredit yang baik.

BIODATA PENULIS:

Mohd Azam Hj. Yahya adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

Abd Basir Mohamad adalah pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Al-Qur'ān al-Karīm
- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanannya di Malaysia*, JAKIM : Kuala Lumpur.
- Abdul Basit Hodari, et al. (2014), *Hutang dan Golongan Muda di Malaysia : Satu Kajian Awal*, Prosiding PERKEM ke-9, hlm. 833-844.
- Afif Abdullah (2010), *Adakah Gaji Minima Cara Terbaik Untuk Membantu Golongan Miskin*, Institute For Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Kuala Lumpur. Afif Abdullah adalah felo di Institute For Democracy and Economics Affairs, lihat www.IDEAS.org.my.
- Ahmad Kamri Abd Mubi et al, *Konsep Keperluan Menurut Islam*, Al-Bukhari, (2001), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār Ṭūq al-Najā : Beirut.
- Al-Naisaburi, Muslim Bin al-Ḥajjāj (t.t), *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar al-'Adl 'an al-'Adl ilā Rasūl Allāh SAW*, Dār Iḥyā' Turās al-'Arabī : Beirut.
- Al-Qurtubi (t.t), *Tafsīr al-Qurṭubī*, Dār al-Fikr : Beirut.
- Al-Sabuni, (1973), *Tafsīr Ibnu Kaṣīr*, Dār al-Qur'ān al-Karīm : Beirut.
- Al-Tirmizi, (1998), *Sunan Al-Tirmizī*, Dār al-Gharb al-Islāmīy : Beirut.
- Al-Zuhayli, (1985), *Al-Fiqh al-Islāmīy wa Adillatuh*, Dār al-Fikr : Beirut.
- Al-'Asqalani, Ibnu Ḥajar (1986), *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār al-Rayyān li al-Turās.
- Amir Fazlim Yusoff et al (t.t), *Instrumen Pembiayaan Peribadi Tunai di Malaysia : Satu Sorotan Literatur*, UKM : Malaysia
- Azlina Zainal Abidin, et al. (2013), *Jurang Pendapatan dan Hutang Isi Rumah*, Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1
- Basri Abd Ghani et al, (t.t). *Konsep Penggunaan Dari Perspektif Ekonomi Islam*, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Charon Wardini Mokhzani (2016), *Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah*, Persidangan Meja Bulat : Isu dan Cabaran Institusi Zakat di Malaysia : Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa dan Lembaga Zakat Selangor.
- Fidlizan Muhammad et al (2015), *Kehidupan Kelas Menengah Malaysia : Satu Kajian Kes Mengenai Corak Perbelanjaan Guru Dalam Pemilikan Aset dan Pelaburan Kewangan*, Malaysian Journal of Society and Space, vol. 11, hlm. 1-13.
- Haryani Abdul Hamid et al (2015), *Hutang Isi Rumah dan Upah Benar*, Prosiding PERKEM : UKM, jld. 10, hlm.547-557.
- Malike Bin Brahim (t.t), *“Yang Menurut Perintah-Nilai Penjawat Awam*, Jabatan Pengurusan Awam : Universiti Utara Malaysia
- Mohammad Ikmal Kadir (t.t), *Pendapatan, Perbelanjaan dan Kebajikan Isi Rumah*,

Mohammad Taqiudin Mohamad et al (2012), *Kelakuan Perbankan Islam Dalam Menguruskan Pembiayaan di Malaysia*, Asian Journal of Accounting and Governance, jld. 3, hlm. 29-38.

Mohd Zaidi Daud et al (2015), *Kepentingan dan Keperluan Perancangan Harta Dalam Islam : Penilaian Menurut Perspektif Maqasid Syariah*, The Journal Of Muamalat and Islamic Finance Research : USIM, jil. 1.

Mohd Yusof Saari, *Kesan Harga Makanan Pengaruhi Kos Sara Hidup*, Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan : Universiti Putra Malaysia.

Naimah Mohd Salleh et al (2014), *Pola Perbelanjaan Awal Musim Persekolahan*, Jurnal Pengguna Malaysia, Jld 15, hlm 32 – 49.

Nor Dina Abdullah et al (2010), *Masalah Kewangan Dalam Kalangan Keluarga Berpendapatan Rendah di Semenanjung Malaysia*, Jurnal Pengguna Malaysia, jil. 15.

Nuraini Abdullah et al (2013), *Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda*, Jurnal Pengguna Malaysia, jil. 21.

Nur Aisyatul Radiah Alidaniah et al. (2015), *Gelagat Hutang Isi Rumah Mengikut Kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor*, Malaysian Journal of Society and Space, vol. 11, hlm. 110 – 119.

Nursyamimi Saidi (2016), *Bijak Berbelanja Pada Musim Perayaan*, Berita Harian bertarikh 24 Mei 2016

Syahnaz Binti Sulaiman (t.t), *Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam*, JAKIM, _____.

Zafri Zulkeffeli (2016), *Be Prepared For Subsidy-Free System*, [https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/Zafri17_12_2016\(FM\).pdf](https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/Zafri17_12_2016(FM).pdf), diakses pada 28 September 2017. Beliau merupakan pegawai penyelidik di Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER)

Zulkipli Bin Omar, *Kemiskinan Bandar*, https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul22_08_2016.pdf, diakses pada 11 Mac 2017. Beliau merupakan Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

Zuroni Mat Jusoh et al (2014), *Sikap dan Amalan Perbelanjaan Pengguna Pada Musim Perayaan*, Jurnal Pengguna Malaysia, Jld 15, hlm. 88 – 98.